

Wanita tetap sokong saranan MT

KOTA KINABALU, 29 FEB 2000 - Pergerakan Wanita Umno tetap dengan pendirian menyokong saranan Majlis Tertinggi (MT) supaya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingan dalam pemilihan Mei ini.

Ketuanya, Datuk Dr Siti Zaharan Sulaiman berkata, pergerakan itu berpendapat perpaduan ahli parti lebih penting dan perlu diutamakan walaupun beberapa pihak menyarankan jawatan itu dipertandingkan.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di sini ketika mengulas kenyataan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam yang mencadangkan pertandingan itu diadakan.

Sebelum itu, beliau mendengar taklimat Jabatan Perkhidmatan Masyarakat di Wisma Kebajikan di sini pagi ini.

Hadir sama, Pembantu Menteri Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Pengguna, Surinam Sadikun dan Ketua Pergerakan Wanita Umno Johor, Datuk Sabariah Abdullah.

Dr Zaharah turut melawat pusat pemulihan remaja wanita, Taman Seri Puteri di Menggatal, dekat sini, dan mangsa banjir di Beaufort.

Beliau berkata, orang ramai bebas mengeluarkan pendapat tetapi keselamatan dan perpaduan parti khususnya di peringkat akar umbi perlu dikkalkan.

"Memang sentiasa ada pendapat yang bersetuju dan tidak bersetuju mengenai pertandingan itu, tetapi wanita sentiasa akur dengan keputusan MT dalam perkara itu," katanya.